

## **HELAIAN MAKLUMAN PRODUK** **(English Version)**

Sila baca Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan **Overdraft** ("Produk") dengan Hong Leong Bank Bhd.

Informasi yang diberikan dalam PDS is hanya meliputi maklumat umum produk. Pastikan anda membaca terma-terma dan syarat-syarat muktamad yang akan ditetapkan di dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan.

Sila dapatkan penjelasan daripada pihak Bank sekiranya anda tidak memahami informasi yang dinyatakan dalam PDS ini.



**Perbankan Perniagaan Dan Korporat**

**Overdraft**

< Tarikh >

### **1. Apakah produk ini?**

- Overdraft ini adalah pinjaman jangka yang berterusan selagi peminjam menguruskan akaunnya dalam keadaan yang memuaskan dan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Hong Leong Bank Bhd.
- Kemudahan ini memberi fleksibiliti untuk menggunakan dana sehingga had pembiayaan yang dibenarkan dan membuat pembayaran balik pada bila-bila masa melalui akaun semasa yang dikekalkan besama pihak Bank.

### **2. Apa yang saya perolehi dari produk ini?**

▪ Jumlah Pembiayaan Overdraft	<RM xx >
▪ Tempoh pembiayaan	Kemudahan ini adalah tertakluk kepada semakan berkala dan atas budi bicara Bank boleh ditarik balik atau atas permintaan ditamatkan, dimana pembayaran keseluruhan pembiayaan kemudahan perlu dibayar dengan serta-merta.
▪ Kadar Rujukan	Berdasarkan Kadar Pinjaman Asas (KPA) / 'Base Lending Rate (BLR)'
▪ Kadar Faedah	Dari KPA + 0.50% setahun sehingga KPA + 3.00% setahun.  Faedah yang dikenakan akan dikira atas baki harian overdraft (jumlah yang digunakan) dan akan dicatatkan dalam penyata bank pada akhir setiap bulan.
▪ Jumlah Faedah yang Dikenakan	Berdasarkan Kadar Faedah dikenakan atas jumlah pembiayaan yang digunakan termasuk Yuran Komitmen untuk jumlah yang selebihnya.  <b>Fomula pengiraan untuk Jumlah Faedah yang dikenakan:</b> [Jumlah Pembiayaan Overdraft yang digunakan x Kadar Faedah x Tempoh Hari Penggunaan / 365 hari] + [Yuran Komitmen x Jumlah Pembiayaan yang tidak digunakan]

**Contoh:**

- Jumlah pembiayaan Overdraf : RM 100,000
- Jumlah yang digunakan : RM 20,000
- Tempoh hari penggunaan : 31 hari dalam bulan Mei
- Kadar Pinjaman Asas (kadar semasa) : **6.89% setahun (pada Mei 2023)**
- Kadar Faedah : KPA + 1.00% setahun
- Kadar Efektif Pinjaman : **7.89% setahun**
- Yuran Komitmen : 1.00% setahun dikenakan ke atas jumlah pembiayaan yang tidak digunakan
- Jumlah Faedah Dikenakan bagi bulan Mei : **RM201.97**

Faedah dikenakan atas pembiayaan Overdraf yang digunakan:

$$\text{RM134.02} = (\text{RM } 20,000 \times 7.89\% \times 31 / 365)$$

Yuran Komitmen dikenakan atas pembiayaan yang tidak digunakan:

$$\text{RM67.95} = (\text{RM } 80,000 \times 1.00\% \times 31 / 365)$$

Nota: Sila ambil perhatian bahawa kadar tertera di atas adalah indikatif sahaja. Jumlah pembiayaan overdraf yang diluluskan dan kadar faedah yang muktamad adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Bank dan mungkin berbeza daripada yang tertera. Untuk kadar yang sebenar, sila rujuk kepada surat perjanjian tawaran.

### 3. Apakah kewajipan saya?

- Membuat pembayaran faedah bulanan yang dikenakan berdasarkan jumlah kemudahan pembiayaan yang digunakan.
- Membuat pembayaran jumlah tertunggak (jumlah prinsipal termasuk faedah yang dikenakan) yang terhutang kepada Bank semasa pembatalan atau penamatkan atau penarikan balik kemudahan pembiayaan.

**NOTIS PENTING:** Kadar faedah bulanan yang dikenakan bagi jumlah pembiayaan yang digunakan dan jumlah kaedah faedah yang dikenakan anda akan berubah jika berlaku perubahan pada kadar faedah. Contohnya perubahan KPA.

**Contoh:**

- Jumlah Pembiayaan Overdraf : RM 100,000
- Jumlah Overdraft digunakan : RM 20,000
- Tempoh Hari Penggunaan : 31 hari dalam bulan Mei
- Kadar Faedah : KPA + 1.00% setahun
- Yuran Komitmen : 1.00% setahun dikenakan ke atas jumlah pembiayaan yang tidak digunakan

Jadual berikut menunjukkan perubahan kepada kadar faedah bulanan yang dikenakan dan jumlah kadar faedah yang dikenakan jika ada perubahan kepada KPA:

Kadar	KPA semasa	Jika KPA naik 1.00%	Jika KPA turun 1.00%
KPA	6.89% p.a.	7.89% p.a.	5.89% p.a.
Kadar Efektif Pinjaman	7.89% p.a.	8.89% p.a.	6.89% p.a.
Kadar faedah yang dikenakan berdasarkan jumlah yang digunakan*	RM 134.02	RM 151.01	RM 117.04
Yuran komitmen	RM 67.95	RM 67.95	RM 67.95
Jumlah kadar faedah dikenakan*	RM 201.97	RM 218.96	RM 184.99

\*Pengiraan berdasarkan jumlah penggunaan dalam bulan Mei

#### 4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

▪ Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)
▪ Yuran Guaman (jika berkenaan)	Mengikut skala dalam Perintah Ganjaran Peguamcara (SRO)
▪ Yuran Pengeluaran (jika berkenaan)	Termasuk fi and yuran untuk pendaftaran untuk gadaian, carian tanah, cukai kerajaan dan lain-lain cukai atau levi mengikut skala caj yuran oleh pihak berkuasa dan carian kebankrapan.
▪ Yuran Komitmen	1.00% setahun akan dikenakan ke atas jumlah overdraf yang tidak digunakan
▪ Yuran Penggunaan Overdraft Melebihi Had	4.00% setahun akan dikenakan ke atas kadar rujukan (atau apa-apa kadar lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa*) ke atas jumlah yang melebihi had Overdraft dari tarikh had dilampaui sehingga tarikh hari had kembali ke had yang diluluskan. Faedah dikira berdasarkan baki harian dan perlu dibayar untuk setiap bulan yang tertunggak.  *Nota: Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada kadar, notis awal akan diberikan oleh Bank kepada anda.
▪ Yuran Kemudahan	Tidak berkenaan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Untuk senarai lengkap yuran dan caj Perbankan Perniagaan dan Korporat, sila layari laman web kami di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)

## 5. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

**NOTIS PENTING:** Untuk maklumat lanjut, sila baca terma-terma dan syarat-syarat muktamad seperti yang ditetapkan di dalam surat tawaran dan perjanjian pembiayaan kemudahan.

▪ Penalty Pembayaran Lewat	Sekiranya terdapat tungakkan / pembayaran lewat, Bank akan mengenakan 1.00% setahun (atau kadar lain*) pada jumlah tungakkan sehingga pembayaran jumlah tungakkan dijelaskan.  *Nota: Pihak Bank akan mengeluarkan notis pemberitahuan kepada anda sebelum kadar baharu dikenakan
▪ Kadar Kemungkiran	Sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran (sama ada jumlah pinjaman asas atau faedah atau jumlah yang perlu dibayar kepada Bank, termasuk kemungkiran pembayaran apabila Bank telah membuat permintaan atau menarik balik kemudahan pinjaman), pihak Bank akan mengenakan 1.00% setahun sebagai tambahan kepada kadar yang ditentukan, dari tarikh tunggaka hingga waktu pembayaran dilakukan
▪ Hak Penolakan	Pihak Bank berhak untuk menolak selesai mana-mana baki kredit daripada mana-mana akaun anda dengan Bank kami untuk menjelaskan sebarang baki tertunggak sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian kemudahan dan jika berkenaan, anda akan diberi notis pemberitahuan awal oleh pihak Bank.
▪ Hak untuk memulakan proses pengambilan semula dan tindakan undang-undang	Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal memberi balasan kepada notis peringatan. Aset anda juga akan dihalang tebus dan anda akan membayai segala kos. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang baki tertunggak, sekiranya ada kekurangan setelah aset anda dijual.  Pihak Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pengambilan semula (termasuk melantik pihak ketiga sebagai agensi pengutip hutang), menghalang tebus dan prosiding kebankrapan.  Nota: Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan menjelaskan tahap penarafan kredit anda yang akan mengakibatkan kelulusan permohonan pembiayaan lebih sukar atau pembiayaan lebih mahal.

## 6. Bagaimana jika saya menjelaskan pinjaman sebelum tempoh matang?

- Tidak berkaitan

## **7. Adakah saya memerlukan insurans atau perlindungan takaful?**

- Sekiranya harta diambil sebagai cagaran untuk kemudahan ini, polisi insurans yang berikut disyorkan diambil daripada syarikat insurans panel atau bukan panel:
  - a) Insuran Bertempoh Gadai Janji Berkurangan(MRTA) atau Takaful Gadai Janji Berkurangan (MRTT) untuk melindungi peminjam sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal
  - b) Insurans kebakaran atau insurans pemilik rumah untuk perlindungan harta (wajib)

## **8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?**

- Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat butiran peribadi untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami atau memaklumkan kami secara bertulis ke:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking  
Alamat : Tingkat 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela Bukit  
Damansara 50490 Kuala Lumpur  
E-Mel : [SME@hlbb.hongleong.com.my](mailto:SME@hlbb.hongleong.com.my)

## **9. Dimana boleh saya mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?**

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pembayaran balik alternatif. Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking  
Alamat : Tingkat 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela Bukit  
Damansara 50490 Kuala Lumpur  
No Telefon : 03-7661 7777  
E-Mel : [SME@hlbb.hongleong.com.my](mailto:SME@hlbb.hongleong.com.my)  
Laman Web : [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)

- Untuk pilihan lain, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan:

- a) Khidmat Nasihat Pembiayaan yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama diantara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan cadangan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan. Anda boleh menghubungi KNP di:

MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC  
Alamat : Pegawai penasihat KNP di mana-mana cawangan di seluruh negara.  
Untuk lokasi cawangan, sila rujuk kepada laman web CGC di <https://www.cgc.com.my/cgc-branches/?lang=malay>  
No Telefon : 03- 7880 0088  
E-Mel : [myknp@cgc.com.my](mailto:myknp@cgc.com.my)  
Laman Web : <https://www.bnm.gov.my/MyKNP>

- b) Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai platform setempat yang menyediakan perkhidmataan penstrukturran hutang, pendidikan kewangan dan nasihat kredit kepada individu dan juga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Alamat : Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250  
Kuala Lumpur  
No Telefon : 03- 2616 7766  
E-Mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)  
Laman Web : <https://www.akpk.org.my/sme-help-desk>

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Advokasi Pelanggan

Alamat : Tingkat 13A, Menara Hong Leong,  
No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
No Telefon : 03-7626 8801 / 03-7626 8802 / 03-7626 8812  
E-Mel : [customerservice@hlbb.hongleong.com.my](mailto:customerservice@hlbb.hongleong.com.my)

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di

Alamat : Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.  
No Telefon : 1-300-88-5465  
Faks : 03-2174 1515  
E-Mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

## 10. Di mana boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda memerlukan maklumat tambahan untuk kemudahan overdraf, sila rujuk pada [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)

## 11. Produk lain dengan kemudahan yang serupa disediakan oleh Bank

- Pembiayaan kredit pusingan.

### NOTIS PENTING

JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR KADAR FAEDAH BULANAN ANDA TEPAT PADA WAKTUNYA BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DAN MENGHALANG TEBUS ASET ANDA YANG DIBIAYAI OLEH ATAU DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK.

Maklumat yang diberikan dalam helaian makluman produk ini adalah sah pada <hh/bb/tt>